NILAI INSAN

Seloka Boros dan Jimat

Katakanlah kau ada ...
Emas bertimbun,
Ataupun beras berguni, berkampit, berkarung
Wang penuh di gedung, padat di kantung.

Tetapi jika ditabur habur, diborosi,
Semuanya segera juga akan habis pergi.

Walaupun beras, tak terbilang ulasnya,
Akan timpas juga, tak tinggal sebiji.

Begitulah tetap akan akibatnya,
Kalau bersifat boros dan habur;
Jimat cermat sahaja akan ubatnya,
Jika tak mahu harta terkubur.

Bidal Melayu sedia berkata:
"Nak kaya berdikit-dikit,
Nak ramai bertabur urai";
Masa mewah ramai, sudah papa keseorangan.
U.Kk. 31 Januari 1955

LIVEWORKSHEETS

SOALAN 1 : Huraikan bentuk puisi ini.

1. JUMLAH RANGKAP

2. JUMLAH PATAH PERKATAAN SEBARIS

3. JUMLAH BARIS DALAM SERANGKAP

4. RIMA AKHIR

5. BENTUK PUISI

SOALAN 2 : TENTUKAN NILAI DAN PENGAJARAN BAGI PUISI INI BERDASARKAN BAHAN YANG DIBERIKAN.

1. Kita mestilah mengamalkan amalan berjimat cermat dalam kehidupan kita.

2. Kita mestilah menguruskan kewangan kita dengan berhati-hati agar tidak menyesal kemudian hari.

3. Kita mestilah prihatin dengan rakan yang berada dalam kesusahan dan tidak meninggalkan merea semasa mereka susah.

SOALAN 3 : TENTUKAN PERSOALAN BAGI PUISI INI.

1.

2.

3.

4.

LIVEWORKSHEETS